

Singapura dipelawa tuan rumah silat dunia

BERITA HARIAN, 11 August 2002, Page 18

Article also available on Microfilm Reel NL24707

Printer-Friendly Page

Singapura dipelawa tuan rumah silat dunia

Persisi perlukan \$250,000

Kejohanan 2004 Oleh:

MOHD SANI ALI

SINGAPURA telah dipelawa menjadi tuan rumah Kejohanan Pencak Silat Dunia 2004.

Ini dinyatakan oleh presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Abdullah Shafie Sidik, menyusul saranan presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Pestilat), Eddie M. Nalapraya, supaya Singapura mengemukakan kekhawatiran berprestij itu.

"Yang paling utama ialah kami perlu mengukuhkan kedudukan kewangan jika mahu menyahut saranan tersebut," tegas presiden Persisi itu.

Difahamkan Persisi memerlukan kira-kira \$250,000 bagi menampung para peserta dari 23 hingga 25 buah negara, termasuk dari Amerika Syarikat dan Eropah seperti Jerman dan Belgium, selain dari negara-negara Asia.

"Kejohanan Dunia akan datang dijadualkan berlangsung di Pulau Pinang dalam tahun ini dan difahamkan belum ada negara yang menawarkan diri untuk menjadi tuan ru-

Kejohanan Pencak Silat Asia Pasifik yang dirasmikan semalam adalah kejohanan antarabangsa pertama anjurannya.

Sungguhpun masa yang diberikan agak suntek bagi menganjurkan kejohanan ini, para pegawai negara peserta melahirkan rasa kagum dengan perancangan Persisi.

"Melihat dari apa yang anda lakukan, saya kira pihak anda boleh menjadi tuan rumah Kejohanan Dunia," presiden Persisi memberitahu tetamu terhormat Pemangku Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan, Dr Yaacob Ibrahim.

Sehubungan dengan itu, Dr Yaacob menggesa Persisi supaya terus berusaha meningkatkan mutu sukan itu ke peringkat yang lebih tinggi dan menaikkannya dari status sukan merit kepada sukan utama (core).

Bellau juga mengemukakan kemudahan yang terdapat di Pusat Kecemerlangan Silat dikongsi sama oleh sekolah kejuruan bukan sahaja untuk mengembangkan silat, bahkan untuk kegiatan gaya hidup sihat.

Menurut Abdullah, pihaknya menyambut baik dan perlukan perancangan rapi, di samping memerlukan sukarelawan yang ramai untuk menjayakan kejohanan terkecuali itu.

mah selepas kejohanan berikutnya," jelasnya.

Menurut Abdullah, Persisi juga memerlukan bantuan kepakaran kerana mereka tidak pernah menjadi tuan rumah kejohanan besar.